

**AMALAN CIRI-CIRI METODOLOGI CLIL DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN FIQH KURIKULUM
AL AZHAR**

Kamarulzaman Abd Ghani [1], Irma Martiny Md Yasim [2], Zaid Arafat Mohd Noor [3]

[1] Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan kamarulzaman@umk.edu.my

[2] Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia irma6663@gmail.com

[3] Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia zaid9907@gmail.com

ABSTRACT

This paper is aimed at identifying the practice of Content and Language Integrated Learning (CLIL) methodology characteristics introduced by Mehisto et al. (2008) in the Fiqh al-Azhar Curriculum teaching and learning. CLIL methodology contains six-dimensional and 36 methodology features. This survey was conducted using a mixed-method design. The instruments used consist of classroom observations, semi-structured interviews and questionnaires using a 5-point Likert scale. Findings of this study indicate that teachers of Fiqh al Azhar curriculum adopted most of CLIL methodology features in their teaching.

Keywords: CLIL methodology, Fiqh al-Azhar Curriculum

PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran menggunakan bahasa asing atau bahasa kedua bukanlah merupakan perkara yang baru bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di sekolah-sekolah ini kesemua mata pelajaran agama telah lama diajar menggunakan Bahasa Arab sebelum bermulanya era PPSMI, iaitu pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris pada tahun 2003.

Pendidikan seperti ini telah berjalan secara formal atau tidak formal sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Hal ini bermakna orang Melayu sudah lama terdedah dengan penggunaan bahasa asing dalam kandungan dan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran, kerana kebanyakan buku rujukan berkaitan dengan Agama Islam dibawa terus dari negara Arab tanpa pengubahsuaian.

LATAR BELAKANG

CLIL merupakan singkatan bagi "*Content and Language Integrated Learning*" yang bermaksud integrasi kandungan dan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Istilah ini telah diperkenalkan oleh Marsh (2002) dan telah diguna pakai di seluruh dunia. Pendekatan *Content and Language Integrated Learning* (CLIL) atau dalam bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai "Integrasi Kandungan dan Bahasa dalam Proses Pembelajaran" yang memberi makna pembelajaran sesuatu subjek seperti sejarah, geografi, sains dan lain-lain dengan menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing dalam menguasai isi kandungan serta bahasa kedua atau bahasa asing melalui proses pembelajaran berteraskan bahasa (Marsh & Lange, 2000). Pendekatan CLIL ini juga dikenali sebagai pendidikan dwi-fokus.

Di Eropah, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bukan bahasa diajar menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing telah bermula sejak beberapa dekad yang lalu (de Graaff, Koopman, Anikia, & Westhoff, 2007; Wannagat, 2007; Kamarulzaman, Saiful Nizam, Nabihah & Nor Azahan, 2010; Lai Ying Ying, Hashimah Alimon & Sopia Md Yassin, t.t.; Meyer, 2010; Llinares & Morton, 2010). Di Malaysia, pendekatan CLIL mula dilaksanakan pada tahun 2003, apabila mata pelajaran sains dan matematik mula diajar menggunakan medium Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Sebaliknya, proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fiqh

Kurikulum al Azhar menggunakan medium Bahasa Arab memang sudah lama digunakan di Malaysia cuma penggunaan ciri-ciri metodologi CLIL ini tidaklah diterapkan secara rasmi dalam pengajaran dan pembelajaran.


Terdapat beberapa kajian berkaitan CLIL dalam mata pelajaran sains dan matematik. Namun kajian berkaitan CLIL dalam mata pelajaran di bawah Kurikulum al Azhar di Malaysia masih kurang dijalankan. Antara kajian berkaitan Kurikulum al Azhar di Malaysia ialah kajian Kamarulzaman et al. (2010) berkenaan penerapan pendekatan CLIL dalam pelajaran Fiqh di sekolah rendah sekitar Selangor yang menggunakan Kurikulum al Azhar; kajian ini mendapati pendekatan ini menggalakkan perkongsian, mewujudkan pembelajaran aktif dan menggalakkan pembelajaran berpusatkan aktiviti dan murid. Bilal Adnan dan Kamarulzaman (2013) juga menjalankan kajian berkaitan pengenalan CLIL sebagai satu pendekatan baru untuk penutur bukan Arab. Kajian tersebut mendapati pembelajaran isi kandungan menggunakan Bahasa Arab membantu murid meningkatkan penguasaan mereka dalam Bahasa Arab. Selain itu, kajian-kajian lain yang berkaitan Fiqh Kurikulum al Azhar mendapati tahap penguasaan murid berada pada tahap sederhana. Mohd. Mansor dan Kamarudin (2004) mendapati hanya 50 peratus murid SMA dan STAM di Kelantan memahami sukatan yang diajar. Begitu juga kajian Sumayyah et al. (2011) di UniSZA mendapati skor pengetahuan murid tentang istilah Bahasa Arab dalam bidang Fiqh adalah pada tahap sederhana (min 54.81%).

PERSOALAN KAJIAN

Mata pelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar telah lama diajar dalam Bahasa Arab di Malaysia. Namun demikian, belum ada kajian berkaitan sejauh mana ciri-ciri metodologi CLIL dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti apakah ciri-ciri metodologi CLIL diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Fiqh Kurikulum Al-Azhar daripada perspektif guru dan murid serta amalan dalam bilik darjah. Ciri-ciri metodologi CLIL yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan Mehisto (2008).

KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini menggunakan konsep 4Cs Coyle (1999, 2005) sebagai kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual ini dibina berteraskan kepada empat konsep yang perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan CLIL. Empat konsep tersebut ialah budaya, kandungan, kesedaran dan komunikasi. Keempat-empat konsep ini saling berkait untuk mewujudkan pendekatan CLIL yang cemerlang dan mencapai objektif sebenar CLIL.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual 4Cs Coyle

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana pelaksanaan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar. Oleh itu kajian ini merupakan kajian tinjauan dan menggunakan reka bentuk campuran "mixed method". Instrumen kajian terdiri daripada pemerhatian dalam

kelas, protokol temu bual separa berstruktur serta instrumen soal-selidik. Menurut Creswell (2005, 2007) gabungan ini boleh memberikan pengkaji gambaran yang lebih mendalam dan hasil kajian yang berkualiti. Instrumen soal selidik dan protokol temu bual yang dibina adalah berdasarkan tiga puluh ciri-ciri metodologi CLIL yang digariskan oleh Mehisto et al. (2008). Responden kajian ini ialah dua orang guru yang mengajar mata pelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar dan tiga puluh orang murid tingkatan empat yang dipilih secara rawak di sebuah sekolah SABK di Negeri Melaka.

DAPATAN KAJIAN

Apakah ciri-ciri-ciri metodologi CLIL dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar daripada perspektif guru?

Dapatan temu bual separa berstruktur mendapati guru telah melaksanakan kebanyakan ciri metodologi CLIL. Guru melaksanakan semua ciri-ciri metodologi CLIL yang terdapat dalam Dimensi Kepelbagaian Fokus dan Dimensi Struktur Pengajaran dan Pembelajaran. Namun demikian, ciri-ciri metodologi CLIL dalam empat dimensi lain iaitu Dimensi Memperkayakan Persekitaran Pembelajaran, Dimensi Keaslian, Dimensi Pembelajaran Aktif dan Dimensi Kerjasama tidak dilaksanakan sepenuhnya. Secara keseluruhan, sebanyak 32 ciri daripada 36 ciri metodologi CLIL yang terkandung dalam enam dimensi digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hanya empat ciri metodologi CLIL tidak diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar iaitu : *Seluruh murid dilibatkan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fiqh, Murid dapat berkomunikasi dengan penutur-penutur Bahasa Arab yang lain menggunakan Bahasa Arab, Murid lebih banyak berkomunikasi berbanding guru dan Ibu bapa membantu murid dalam pembelajaran mata pelajaran Fiqh dalam Bahasa Arab.*

Sejauh manakah ciri-ciri-ciri metodologi CLIL dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar daripada perspektif murid?

Daripada perspektif murid pula, kesemua dimensi CLIL Fiqh Kurikulum al Azhar berada pada tahap sederhana tinggi (min 4.22). Pelaksanaan Dimensi Struktur Pengajaran Dan Pembelajaran (min 4.46) adalah paling tinggi berbanding dimensi-dimensi yang lain, manakala pelaksanaan Dimensi Kerjasama (min 3.81) paling rendah daripada perspektif murid.

Jadual 4.3

Dimensi Ciri-Ciri Metodologi CLIL dari perspektif murid

	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Dimensi Kepelbagaian Fokus	4.20	.58	Sederhana Tinggi
Dimensi Memperkayakan persekitaran P&P	4.40	.59	Sederhana Tinggi
Dimensi Keaslian	4.32	.38	Sederhana Tinggi
Dimensi Pembelajaran Aktif	4.18	.55	Sederhana Tinggi
Dimensi Struktur P&P	4.46	.49	Sederhana Tinggi
Dimensi Kerjasama	3.81	.84	Sederhana Tinggi
JUMLAH	4.22		Sederhana Tinggi

Sejauh manakah ciri-ciri-ciri metodologi CLIL dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar di bilik darjah?

Dapatan pemerhatian pengajaran guru pula mendapati guru mengamalkan sepenuhnya ciri-ciri metodologi CLIL di bahagian Dimensi Kepelbagaian Fokus dan Dimensi Struktur Pengajaran Dan Pembelajaran iaitu guru membantu pembelajaran Bahasa Arab, membantu murid menguasai Bahasa Arab, menggabungkan jalin dengan subjek lain, mengajar melebihi kehendak sukatan, melakukan refleksi, mengambil kira pengetahuan sedia ada murid, mengajar dengan cara yang lebih mudah, mengambil kira gaya pembelajaran yang berbeza, menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dan sentiasa menggalakkan pelajar sentiasa meningkatkan pencapaian. Sebaliknya, ciri-ciri metodologi CLIL tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam empat dimensi lain iaitu Dimensi Memperkayakan Persekitaran Pengajaran Dan Pembelajaran, Dimensi Keaslian, Dimensi Pembelajaran Aktif Dan Dimensi Kerjasama. Secara keseluruhan, pemerhatian pengajaran guru mendapati bahawa guru

mengamalkan 29 daripada 36 ciri metodologi CLIL yang digariskan oleh Mehisto et al. (2008) iaitu sebanyak 80.6%.

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati tahap amalan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi (min 4.22). Keadaan ini memberi gambaran sebenar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar yang menjadikan Bahasa Arab sebagai medium pengajaran kepada murid. Hal ini menunjukkan bahawa ciri-ciri metodologi CLIL ini memang diamalkan oleh guru-guru mata pelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar walaupun tidak diterapkan dan dilaksanakan secara rasmi dalam pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini berlaku kerana kedudukan Bahasa Arab itu sendiri merupakan bahasa ibadat selain sejarah pendidikan Bahasa Arab telah lama bertapak di Tanah Melayu sejak kurun ke 15 lagi.

Walaupun secara am berdasarkan temu bual guru dan pemerhatian terhadap pelaksanaan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran mendapati sebahagian besar ciri telah dilaksanakan namun ciri-ciri yang kurang diterapkan dalam pengajaran banyak tertumpu pada aspek penerapan kemahiran berbahasa. Dapatan menunjukkan pengajaran guru dalam pembelajaran subjek Fiqh memberi penekanan yang lebih kepada penyampaian kandungan, lebih bersifat sehalu, kurangnya penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan aktiviti pengayaan bahasa kurang diterapkan. Justeru aspek asas dalam pendekatan CLIL bagi mempertingkatkan kemahiran bahasa kurang ditekankan. Hal ini merupakan suatu fenomena biasa bagi guru yang mengajar subjek-subjek Kurikulum al Azhar di Malaysia.

Majoriti guru tidak mengetahui tentang pendekatan CLIL ini kerana mereka tidak didedahkan serta dilatih menggunakannya. Walaupun dapatan ini menunjukkan banyak ciri-ciri metodologi CLIL telah terlaksana tetapi ia adalah kebetulan memandangkan sebahagian dari ciri-ciri pendekatan CLIL ini adalah berkaitan dengan aspek pembelajaran kandungan yang juga merupakan fokus kebanyakan guru yang mengajar kurikulum ini. Sebaliknya, aspek berbahasa pula tidak diberikan penekanan yang jelas melainkan hanya aspek terjemahan makna pada teks pembelajaran dalam buku teks yang digunakan.

Hasil dapatan ini juga menggambarkan bahawa para guru yang terlibat dalam pengajaran subjek agama Kurikulum al Azhar ini mempunyai pengalaman pengendalian melebihi 80 peratus ciri-ciri metodologi CLIL tanpa disedari. Untuk memastikan pelaksanaan tahap maksimum pendekatan ini guru-guru ini hanya perlu sedikit pendedahan dan latihan berkaitan penerapan ciri-ciri dalam aspek aktiviti berbahasa dalam pengajaran.

Terdapat perbezaan amalan ciri-ciri metodologi CLIL antara satu mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Sebagai contoh, kajian Lai et al. (t.t.) berkaitan amalan ciri-ciri metodologi CLIL oleh guru cemerlang biologi mendapati guru tersebut hanya mempunyai sebanyak 16 ciri daripada 30 ciri metodologi CLIL iaitu hanya 53.3 peratus ciri-ciri metodologi CLIL yang digariskan oleh Mehisto et al. (2008). Dalam kajian ini pula, guru mata pelajaran Fiqh Kurikulum al Azhar didapati mengamalkan 29 daripada 36 ciri iaitu sebanyak 80.6 peratus.

IMPLIKASI

Para penyelidik disaran supaya menjalankan kajian lanjutan berkaitan CLIL dalam semua mata pelajaran Diniyah Kurikulum al Azhar secara lebih mendalam. Hal ini adalah kerana mata pelajaran Kurikulum al Azhar memang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Tambahan pula Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bermula tahun 2015. Begitu juga tahap penguasaan murid terhadap Kurikulum al Azhar juga boleh dikaji dengan lebih mendalam kerana penggunaan bahasa kedua atau bahasa asing sebagai medium pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan terhadap tahap penguasaan isi kandungan murid dalam semua mata pelajaran Kurikulum al Azhar di samping penguasaan bahasa Arab yang sering dipertikai oleh banyak pihak. Satu model CLIL yang sesuai dengan latar belakang budaya dan bahasa dalam konteks Malaysia perlu dibina agar kurikulum agama yang menggunakan medium bahasa Arab ini benar-benar memberi impak yang berkesan kepada para pelajar sama ada dalam penguasaan kandungan malah dalam kemahiran berbahasa.

PENUTUP

Pelaksanaan pendekatan CLIL secara sedar dalam pengajaran Kurikulum al Azhar dapat memberi impak yang positif kepada murid di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sokongan semua pihak yang berkepentingan (*stake holder*) amat perlu untuk memastikan kecemerlangan Kurikulum al Azhar dalam pendidikan negara.

RUJUKAN

- Bilal Adnan Qublan, & Kamarulzaman. (2013). *Bahs Ta'rifi bi CLIL ka Madkhal Jadid fi Ta'lim Al Lughah Al Arabiah Bagi Bukan Penutur Jati*. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam Ke 3 (ICIED).
- Bruton, A. (2011). Are The Differences Between CLIL and Non –CLIL Groups in Andalusia Due to CLIL? A Rely ti Lorenzo, Casal and Moore (2010). *Applied Linguistic*. 32/2: 236-241.
- Creswell, J. W. (2005). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Creswell, J. W. (2007). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Coyle, D. (1999). Theory and planning for effective classrooms: Supporting students in content and language integrated learning context. In J. Masih (Ed.), *Learning through a foreign language*. London: CILT.
- Coyle, D. (2005). Developing CLIL: Towards a theory of practice. *APAC Monographs*, 6, 5-29.
- de Graaff, R., Koopman, J. G., Anikia, Y., & Westhoff, G. (2007). An Observation Tool for Effective L2 Pedagogy in Content and Language Intergrated Learning (CLIL). *The International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 603-624. Retrieved from http://www.unifg.it/sites/default/files/allegatiparagrafo/20-01-2014/de_graaff_et_al_an_observation_tool_for_effective_l2_pedagogy_in_clil.pdf
- Kamarulzaman Abd Ghani, Saiful Nizam Sulaiman, Nabihah Yusof, & Nor Azhan Norul 'Azmi. (2010). Penerapan Pendekatan CLIL dalam Pengajaran Mata pelajaran Kurikulum Al-Azhar. Dlm. *1st International Conference on Islamic Education* (hh. 303-312).
- Lai Ying Ying, Hashimah Alimon, & Sophia Md Yassin. (t.t.). *Integrating Content and Language: Exploring teaching and learning practices of a Biology excellent teacher*.
- Liubiniene, V. (2009). Developing listening skills in CLIL. *Studies About Languages*, 15.
- Linares, A., & Morton, T. (2010). Historical Explanations as Situated Practice in Content and Language Integrated Learning. *Classroom Discourse*, 1(1).
- Majma' Al Arabi Al Asasi. (1988). *Al Munazzomah Al Arabiyyah littarbiah wa Assaqofah wa Al Ulum*.
- Marie Hofmannova, Jarmila Norotna, & Renata Pipalova. (2008). *Assessment Approaches to Teaching Mathematics in English as A Foreign Language (Czech Experience)*, 1(1).
- Marsh, D. (2002). *CLIL/EMILE – The European Dimnension: Actions, Trends and Foresight Potential*. Strasbourg: European Commission.
- Marsh, D. (2008). *Language awareness and CLIL*. <http://www.springerlink.com>
- Marsh, D., & Lange, G. (2000). *Using language to learn and learning to use language*. Finland: UNICOM.
- Mehisto, P. (2008). CLIL Counterweights and Decreasing Disjuncture in CLIL. *International CLIL Research Journal*, 1(1), 93-98.

- Mehisto, P., Marsh, D., & Frigols, M. J. (2008). *Uncovering CLIL: Content and Language Integrated learning in Bilingual and Multilingual Education*. Oxford: Macmillan.
- Meyer, O. (2010). Towards quality-CLIL: Successful planning and teaching strategies. Retrieved from file:///C:/Users/User/Downloads/Dialnet-TowardsQualityCLIL-3311569.pdf
- Mohd. Mansor Daud, & C. Kamarudin Kamal. (2004). Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Al-Azhar dan Cara Mengatasinya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*. UKM.
- Pinkley, D. (t.t.). *Children learning English as a Foreign Language. CLIL: Content and Language Integrated Learning* Pearson Longman. Retrieved from <http://www.pearsonlongman.com/primaryplace/pdf/clilmonograph.pdf>
- R. de Graaff, Jan Koopman, G., Anikia, Y., & Westhoff, G. (2007). An Observation Tool for Effective L2 Pedagogy in Content and Language Intergrated Learning (CLIL). *The International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 603-624. http://www.unifg.it/sites/default/files/allegatiparagrafo/20-01-2014/de_graaff_et_al_an_observation_tool_for_effective_l2_pedagogy_in_clil.pdf
- Sumayyah Abd. Aziz, Syh Noorul Madihah Syed Husin, & Tg. Fatimah Muliana Tg. Muda. (2011). *Pengetahuan murid UniSZA terhadap istilah Bahasa Arab dalam bidang Fiqh*. International Conferences and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICERIALE).
- Walker, J. T. (1995). *The psychology of learning*. Paramus, NJ: Prentice Hall.
- Wannagat, U. (2007). Learning through L2- Content and Language Integrated Learning (CLIL) and English as Medium of Instruction (EMI). *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 663-682.

LAMPIRAN

Dapatan Pemerhatian Ciri-ciri-ciri metodologi CLIL dalam Amalan Pengajaran Guru

Dimensi Kepelbagaian Fokus		G1	G2
1	Subjek Fiqh membantu pembelajaran Bahasa Arab di dalam kelas.	√	√
2	Bahasa Arab membantu menguasai subjek Fiqh.	√	√
3	Subjek Fiqh menggabung jalin beberapa subjek lain.	√	√
4	Pembelajaran Fiqh diajar melebihi kehendak sukatan pelajaran.	√	√
5	Refleksi pembelajaran dilakukan dalam subjek Fiqh.	√	√
Dimensi Memperkayakan Persekitaran Pembelajaran			
6	Subjek Fiqh diajar dalam bentuk yang rutin.	√	√
7	Bahasa Arab digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Fiqh.	√	√
8	Pembelajaran Fiqh dalam Bahasa Arab dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam subjek Fiqh.	√	√
9	Pembelajaran Fiqh dalam Bahasa Arab dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk menggunakan Bahasa Arab.	√	√
10	Seluruh pelajar dilibatkan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Fiqh.	×	×
11	Guru memberi panduan untuk mendapatkan bahan pembelajaran yang sesuai.	√	√
12	Pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab meningkatkan kesedaran pelajar.	√	√
Dimensi Keaslian			
13	Pelajar dibantu untuk memperbaiki kelemahan Bahasa Arab mereka di dalam kelas.	√	√
14	Pembelajaran Fiqh dalam Bahasa Arab dapat memaksimumkan minat pelajar.	√	√
15	Terdapat hubung kait antara subjek Fiqh dengan hidup pelajar.	√	√
16	Pelajar dapat berkomunikasi dengan penutur-penutur Bahasa Arab yang lain menggunakan Bahasa Arab.	×	×
17	Guru menggunakan bahan media dan sumber-sumber lain yang terkini.	√	×
Dimensi Pembelajaran Aktif			
18	Pelajar lebih banyak berkomunikasi berbanding guru.	×	×
19	Pelajar membantu guru menentukan hasil pembelajaran Fiqh.	√	√
20	Pelajar membantu guru menentukan tahap Bahasa Arab yang digunakan dalam subjek Fiqh.	√	×
21	Pelajar membantu guru menentukan bentuk kemahiran belajar dalam subjek Fiqh.	×	√
22	Pelajar menilai hasil pembelajaran subjek Fiqh dari segi kandungan.	√	√
23	Pelajar menilai hasil pembelajaran subjek Fiqh dari segi bahasa.	√	√
24	Aktiviti berkumpulan digalakkan dalam subjek Fiqh.	√	√
25	Tujuan mempelajari kandungan dan bahasa dibincangkan secara bersama oleh guru dan pelajar.	√	√
26	Guru bertindak sebagai fasilitator dalam subjek Fiqh.	√	√
Dimensi Struktur Pengajaran dan Pembelajaran			
27	Pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab mengambil kira pengetahuan, kemahiran, sikap, minat dan pengalaman pelajar.	√	√
28	Maklumat tentang Fiqh disusun semula dalam bentuk yang lebih mudah.	√	√
29	Pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab mengambil kira gaya pembelajaran yang berbeza.	√	√

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 30 | Pengajaran subjek Fiqh dalam Bahasa Arab menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis. | √ | √ |
| 31 | Pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab mencabar pelajar supaya mengambil tindakan yang sesuai dan tidak berasa selesa dengan pencapaian semasa. | √ | √ |

Dimensi Kerjasama

- | | | | |
|----|---|---|---|
| 32 | Guru yang mengajar subjek Fiqh dalam bahasa Arab bekerjasama dengan guru-guru lain untuk meningkatkan prestasi pelajar. | √ | √ |
| 33 | Ibu bapa dilibatkan dalam pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab secara langsung atau tidak langsung. | × | × |
| 34 | Ibu bapa membantu pelajar dalam pembelajaran subjek Fiqh dalam Bahasa Arab. | × | × |
| 35 | Komuniti setempat dilibatkan dalam pengajaran Fiqh dalam Bahasa Arab secara langsung atau tidak langsung. | √ | √ |
| 36 | Pihak berkuasa dilibatkan dalam pengajaran Fikah dalam Bahasa Arab. | √ | √ |
-